

# Malaysia perlukan \$80,000j sepanjang tempoh 1991—1995

U.M. 22 SEP 1992

LONDON 21 Sept. — Malaysia memerlukan pelaburan modal sebanyak \$80,000 juta untuk mencapai matlamat pertumbuhan sektor pembuatan sebanyak 11 peratus setahun sepanjang tempoh 1991-1995.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata angka tersebut adalah 36.5 peratus lebih tinggi dari jumlah pelaburan yang diluluskan sepanjang lima tahun sebelumnya.

Dari jumlah modal yang diperlukan itu, tambah Perdana Menteri, \$33,000 juta atau 41 peratus dijangka datangnya dari sumber-sumber luar negara manakala bakinya dari sumber dalam negara.

Dalam ucapan dasarnya di seminar bertajuk *Malaysia: Pusat Keuntungan Di Asia* anjuran MIDA dengan kerjasama CBI dan Hongkong Bank Malaysia, di sini hari ini, beliau menegaskan:

"Kerajaan mengakui pentingnya peranan pelaburan terus dari luar negara dalam mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan sentiasa komited dalam usaha mewujudkan suasana yang boleh memberikan peluang kepada pelabur luar meningkatkan pelaburan, pertumbuhan dan keuntungan mereka."

Menurutnya, usaha Malaysia menarik pelaburan dalam sektor pembuatan adalah berjaya. Dalam tahun 1988-1991, jumlah pelaburan luar yang diluluskan ialah sebanyak \$47.1 ribu juta.

Angka tersebut adalah 60.7 peratus dari jumlah cadangan modal pelaburan yang sebanyak \$77.6 ribu juta dalam semua projek yang diluluskan.



ABDULLAH HASSAN

WAKIL UTUSAN LONDON

Menurut Dr. Mahathir, bagi tempoh 8 bulan pertama tahun ini, pelaburan luar di sektor pembuatan yang diluluskan berjumlah \$13.23 ribu juta dan angka tersebut adalah 78.5 peratus dari jumlah pelaburan yang diluluskan dalam semua sektor.

Sebelum itu Perdana Menteri juga menyebut perkara-perkara berikut:

● Sejak beberapa tahun lalu, Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dengan tahun lalu sahaja pertumbuhan dicatat pada kadar 8.8 peratus GDP, satu pertumbuhan ekonomi tinggi bagi kali kelima berturut-turut.

## Menarik

● Tahun ini pertumbuhan ekonomi diramal pada 8.5 peratus dan walaupun ia susut sedikit berbanding dengan empat tahun sebelumnya, angka itu masih menarik jika diambil kira kelembapan yang dialami oleh rakan-rakan perdagangan Malaysia diseluruh dunia.

● Setakat ini, pertumbuhan bagi 1992 adalah menggalakkan kerana bagi setengah tahun pertama, kenaikan yang dicatat ialah 8.6 peratus.

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia gembira de-

ngan pertumbuhan ini tetapi kerajaan sedar ia harus diperolehi menerusi kestabilan harga yang baik.

"Oleh kerana itu, penumpuan kami sekarang ialah berhubung dengan langkah-langkah mengukuhkan ekonomi seperti memerangi inflasi dan mengurangkan tekanan harga bagi membolehkan pertumbuhan berterusan selain mewujudkan keyakinan yang tinggi kepada ekonomi Malaysia," jelasnya.

Dr. Mahathir memberitahu bahawa ekonomi Malaysia diramal meningkat pada kadar 7 peratus setahun sepanjang 10 tahun akan datang berdasar kepada pertumbuhan baik diakhir tahun 1980-an dan diyakini berterusan kepada 1990-an.

Ini bukannya satu angka yang optimistik tanpa asas memandang kepada hakikat bahawa ekonomi Malaysia berkembang pada kadar 6.7 peratus setahun sejak tahun 1971 hingga 1991.

Walaupun bagaimanapun, tambah beliau, usaha-usaha akan diambil untuk mempelbagikan lagi struktur ekonomi supaya mempunyai daya ketahanan yang kukuh.

Walaupun sektor pertanian akan kekal menjadi bahagian penting ekonomi negara, tumpuan utama bagi pertumbuhan

dan pertukaran struktur adalah dari sektor pembuatan.

Perdana Menteri mengakui pelaburan swasta dalam sektor pembuatan merupakan satu tenaga utama disebalik pertumbuhan Malaysia.

Berikutan dengan strategi eksport perindustrian yang agresif, sektor pembuatan telah mencapai pertumbuhan 15.8 peratus setahun bagi tempoh 1988-1991.

Sumbangan sektor pembuatan kepada GDP Malaysia juga meningkat, katanya, dari 24.3 peratus tahun 1983 kepada 28.1 peratus tahun 1991.

## Berkembang

Dr. Mahathir berkata, bagi tahun 1992, prospek adalah menggalakkan bagi sektor pembuatan dengan pertumbuhan diramal 14.5 peratus dan sumbangann ini mencatatkan 30.2 peratus bagi GDP negara.

Sektor pembuatan, tambah Perdana Menteri, yang dijangka berkembang sebanyak 10.5 peratus setahun sepanjang 10 tahun akan datang diramal meningkatkan sumbangan sektor itu kepada GDP sebanyak 37.2 peratus menjelang tahun 2000.

Ini bererti ia menjadi pembuka jalan menjadikan Malaysia sebuah negara berekonomi perindustrian.

Beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada pelaburan luar kerana pelabur asing dijangka membawa bersama mereka teknologi baru, hubungan penting dan kemasukan ke pasaran antarabangsa. *Utusan.*

P

Mahathir - overseas tips

P  
p  
b